

30/10/2003

Siaran langsung pelantikan PM

KUALA LUMPUR: Pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima, pada 31 Oktober ini akan disiarkan secara langsung oleh TV3 dan RTM.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata siaran langsung oleh TV1 itu akan disiarkan pada jam 3 petang.

Katanya, RTM juga akan menyiarkan secara langsung pembentangan Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-8 di Parlimen oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 11 pagi ini.

"Kita juga berusaha untuk menyiar secara langsung sidang akhbar oleh Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno petang esok (petang ini)," katanya ketika ditemui selepas majlis Bantuan Hari raya dan berbuka Puasa anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan di Masjid Negara, malam tadi.

Sementara itu, siaran langsung TV3 bagi upacara mengangkat sumpah Perdana Menteri ke-5 di Istana Negara akan dikendalikan Pengurus Besar Berita dan Hal Ehwal Semasanya, Datuk Chamil Wariya, yang turut mengundang bekas menteri Kabinet, Datuk Shahril Samad dan bekas Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Malaysia (GPMS), Ariff Bador bagi membicarakan pelantikan itu.

Menurut kenyataan TV3 semalam, penonton akan dibawa ke dua lokasi iaitu Istana Negara di Kuala Lumpur dan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Di Istana Negara, penonton akan menyaksikan penyerahan wafiat pelantikan Perdana Menteri daripada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail disertai majlis angkat sumpah jawatan kira-kira jam 3 petang.

Selepas itu, Perdana Menteri kelima itu akan berlepas ke Jabatan Perdana Menteri bagi majlis penyerahan rasmi jawatan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah.

Majlis penyerahan itu akan disusuli upacara merakam kad perakam waktu kali terakhir oleh Dr Mahathir.

Turut disiarkan pada jam 10 malam, dokumentari berjudul Perjalanan Politik Perdana Menteri Kelima.

Sementara itu, Pengurus Besar Pengurusan Jenama TV3, Anthony Firdaus Bujang, berkata TV3 mengadakan siaran 24 jam setiap hari selama 29 hari, dari 27 Oktober hingga 24 November ini, sempena Ramadan.

Beliau berkata, siaran tanpa henti itu bermakna TV3 menambah masa penyiaran daripada 1.30 hingga 6.30 pagi.